



**PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA**  
(The Association of Public Sector Accountants, Malaysia)  
Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan  
No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

---

Ruj. Kami: PSA/NAPSAC/2022 (3)  
Tarikh : 19 Mac 2022

**Ketua Setiausaha Kementerian**

**Ketua Jabatan Persekutuan**

**YB Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Akauntan/ Bendahari Negeri**

**Ketua Agensi Badan Berkanun**

**Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN PENYERTAAN KE PERSIDANGAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM KEBANGSAAN (NATIONAL PUBLIC SECTOR ACCOUNTANTS CONFERENCE - NAPSAC) KALI KE-30**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan menganjurkan **Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (National Public Sector Accountants Conference - NAPSAC) Kali Ke-30** seperti mana berikut:

**Tarikh** : 18 hingga 19 Mei 2022  
(Rabu - Khamis)

**Tempat** : Bangi Avenue Convention Centre  
(BACC), Selangor

**Tema Persidangan:** *Digital Accounting: Perspective and Realities*

3. NAPSAC bertujuan memberikan nilai tambah (*value added*) kepada akauntan sektor awam dalam pelbagai aspek khususnya profesion perakaunan, pendedahan kepada perkembangan semasa serta sebagai medium perkongsian maklumat. Persidangan ini turut mendapat pengiktirafan Institut Akauntan Malaysia (MIA) di mana ahli MIA layak memperolehi 11 jam kredit *Continuing Professional Education* (CPE) untuk direkodkan dalam senarai latihan profesional tahunan.

4. Sehubungan perkara tersebut, PSA amat berbesar hati untuk mempelawa semua akauntan sektor awam yang berkhidmat di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk menyertai persidangan ini. Butiran lanjut persidangan serta panduan pendaftaran adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**.

5. Penyertaan ke persidangan ini adalah terhad kepada 500 peserta terawal dan tarikh tutup pendaftaran adalah pada **15 April 2022 (Jumaat)**. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan memerlukan maklumat lanjut berkaitan persidangan ini, berikut adalah sekretariat yang boleh dihubungi:

Bil.	Nama Pegawai	Tel. Pejabat	Tel. Bimbit	E-mel
1.	Puan Rohanis Binti Omar	03-89115789	016-3277500	hanis.omar@kkmm.gov.my
2.	Puan Dasyarini Saridah Binti Daud	03-88858052	016-3587528	dasyarini.daud@mosti.gov.my
3.	Encik Mohd Nizam Bin Mahayuddin	09-5121666 (samb. 701)	013-9012241	nizam@mbk.gov.my
4.	Encik Mohd Maulud Bin Sukaimi	03-88869709	012-9203327	maulud.sukaimi@anm.gov.my

6. PSA terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan atas sokongan penyertaan ke NAPSAC kali ke-30.

Sekian, terima kasih.

***"Integrity . Trustworthy . Sustainability"***



**HJ. NASRAN BIN OMAR C.A.(M), CPFA (UK)**  
Presiden  
PSA Malaysia

ANJURAN :

**PSA**  
MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA:



KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

The Association of Public Sector Accountants, Malaysia  
*Integrity. Trustworthy. Sustainability*

DISOKONG OLEH :



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS



**NAPSAC**  
**2022**

Persidangan Akauntan Sektor Awam Kali Ke-30  
(National Public Sector Accountants Conference)

# DIGITAL ACCOUNTING: Perspective & Realities

**18 - 19 MEI 2022**  
BANGI AVENUE  
CONVENTION CENTRE




**IMBAS UNTUK DAFTAR**  
**AHLI PSA RM1,300\***  
**BUKAN AHLI RM1,400\***

\*Harga Tanpa  
Penginapan

**TARIKH TUTUP : 15 APRIL 2022**

**#JOMDAFTARNAPSAC2022**  
**#SIAPACEPATDIADAPAT**





## OBJEKTIF NAPSAC 2022

- Memberi nilai tambah (value added) kepada Akauntan Sektor Awam dalam aspek pengetahuan, kemahiran diri dan sikap.
- Mendedahkan peserta kepada perkembangan semasa dalam profesion perakaunan.
- Sebagai medium untuk berkongsi pandangan dan idea dalam memajukan kerjaya.

### UNTUK KETERANGAN LANJUT:

EN. PATRICK MAJATIG  
03-88706508/ 019-8558030  
patrick@mohe.gov.my

PN. NOORIFAIDA SUBEHI  
03-88705352/ 019-3111189  
ifaيدا.subehi@mohe.gov.my

EN. MUHAMMAD YUSRI ABD MAJID  
03-8882 1172/ 013-6385784  
yusri.abdmajid@anm.gov.my

PN. SALIHA BINTI JULASRIN  
03-89115864/010-5569569  
salihajulasrin@kkmm.gov.my

SEKRETARIAT NAPSAC 2022  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Tingkat 6, No.1, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 WP PUTRAJAYA

E-mel : [councilpsa@anm.gov.my](mailto:councilpsa@anm.gov.my)  
<http://www.pasamalaysia.org>



**PERSIDANGAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM KEBANGSAAN KALI KE-30**  
**BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE, BANGI, SELANGOR**  
**18 – 19 MEI 2022**  
*Digital Accounting: Perspective and Realities*

TENTATIF PERSIDANGAN	
18 MEI 2022 (RABU)	
08.00-09.30 am	<b>Pendaftaran Peserta</b>
09.30-10.30 am	<b>Perasmian Persidangan &amp; Ucapan Utama</b>
10.30-11.00 am	Minum Pagi
11.00 am-01.00 pm	<b>Sesi 1:</b> <b><i>Accelerating Digital Transformation and Innovation: Helping Government in Post-Pandemic Recovery and Resilience</i></b>
01.00-02.30 pm	Makan Tengah Hari
02.30-03.45 pm	<b>Sesi 2:</b> <b><i>Digital Accounting: Perspective and Realities</i></b>
03.45-05.00 pm	<b>Sesi 3:</b> <b><i>Unlocking Leadership Capabilities in The Digital Transformation Journey</i></b>
08.30-10.00 pm	<b>Majlis Makan Malam</b>
19 MEI 2022 (KHAMIS)	
09.00-10.30 am	<b>Sesi 4:</b> <b><i>Management Accounting In The Era Of Digitalization</i></b>
10.30-11.00 am	Minum Pagi
11.00-12.30 am	<b>Sesi 5:</b> <b><i>The Emergence of Robotic Process Automation (RPA) in Public Sector</i></b>
12.30 am-02.00 pm	Makan Tengah Hari
02.00-3.15 pm	<b>Sesi 6:</b> <b><i>The New Dimension Of Maqasid Syariah in Perspective of New Emerging Digital Technologies</i></b>
03.15-04.30 pm	<b>Sesi 7:</b> <b><i>Neurohacking - The Brain Power</i></b>
04.30-05.00 pm	<b>Majlis Penutup</b>

**PANDUAN PENDAFTARAN**  
**PERSIDANGAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM KEBANGSAAN KALI KE-30**  
***Digital Accounting: Perspective and Realities***

1. Yuran penyertaan adalah **RM1,300.00** untuk ahli PSA dan **RM1,400.00** untuk bukan ahli PSA.
2. Yuran penyertaan adalah termasuk kos makan minum persidangan pada 18 dan 19 Mei 2022 serta kit persidangan. Kos penginapan dan pengangkutan ditanggung oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing. Terdapat hotel bersebelahan iaitu *Le Venue Hotel* yang mempunyai kapasiti 178 bilik.
3. Semua pembayaran hendaklah dibuat kepada:

**Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia**

**No. Akaun : 105490000609**

**Nama Bank : Affin Islamic Bank Berhad**

**Cawangan : Putrajaya**

4. Pembayaran hendaklah dibuat sama ada secara Pesanan Tempatan(LO)/ Deraf Bank/ Tunai/ Cek semasa membuat pendaftaran persidangan secara *online*. Pesanan Tempatan(LO)/ Deraf Bank/ Tunai/ Cek hendaklah dikemukakan kepada:

Bendahari Kehormat  
Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia  
d/a Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
62594 Putrajaya.  
(E-mel: [perasama@anm.gov.my](mailto:perasama@anm.gov.my))

5. Pembatalan penyertaan adalah tidak dibenarkan dan yuran penyertaan tidak akan dikembalikan. Walau bagaimanapun, pertukaran pegawai lain adalah dibenarkan.
6. Pihak sekretariat tidak menyediakan pengangkutan antara lapangan terbang dan lokasi persidangan.

7. Pendaftaran secara *online* boleh dibuat melalui *link* [https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc2IRSfdu\\_Z1hjKAZinT3r0pJkeC1aVCCawqvYZinYDTqFakQ/viewform](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc2IRSfdu_Z1hjKAZinT3r0pJkeC1aVCCawqvYZinYDTqFakQ/viewform) atau melalui Kod QR berikut:



8. Sijil kehadiran hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang mengikuti persidangan sepenuhnya atau lebih 80% kehadiran. Sijil secara *online* akan diberikan melalui e-mel peserta.
9. Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 April 2022 (Jumaat)** dan permohonan ini adalah terhad kepada 500 penyertaan sahaja.